

1

FALSAFAH PENSYARIATAN PERKAHWINAN

Pensyariatan perkahwinan dalam Islam bertujuan untuk memelihara manusia agar dapat hidup dalam suasana harmoni dan meraikan fitrah keperluan manusia. Dalam hal ini, sesebuah perkahwinan akan menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna dengan pembentukan keluarga yang bahagia. Walau bagaimanapun, hikmah di sebalik tuntutan Allah ini adalah untuk mencegah manusia daripada melakukan kerosakan di atas muka bumi dengan perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada kemaksiatan seperti zina dan sebagainya. Perbuatan maksiat ini boleh membawa kepada kejatuhan umat manusia dan seterusnya membawa kepada kejatuhan ketamadunan khususnya ketamadunan Islam. (Ismail Kamus, 2009).

Kenyataan ini dirakamkan melalui firman Allah SWT dalam surah *ar-Rum* ayat 21 yang bermaksud:

"...dan antara tanda-tanda kebesaran Allah ialah Dia menciptakan untukmu, isteri-isteri daripada jenismu sendiri agar kamu cenderung serta berasa tenang dan tenteram kepadanya dan dijadikan antara kamu perasaan kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir."

(*al-Rum: 21*)

Ibn Kathir dalam tafsirnya telah mengulas bahawa ayat ini menjelaskan tentang kesempurnaan hikmah penciptaan manusia. Allah SWT sebagai Pencipta seluruh manusia yang terdiri daripada lelaki dan perempuan agar saling melengkapi antara satu sama lain. Secara tidak langsung, ia cenderung untuk melahirkan perasaan ketenangan dalam diri manusia dengan adanya rasa kasih sayang di antara keduanya (lelaki dan perempuan). Hakikatnya, ia memberi panduan dan pedoman kepada manusia tentang tanda kekuasaan Allah Yang Maha Bijaksana. (H. Salim Bahreisy, 2006).

Perkahwinan merupakan langkah pertama ke arah pembentukan masyarakat yang sejahtera. Sekiranya sesebuah keluarga yang dibina itu dipenuhi dengan kasih sayang, secara tidak langsung ia akan menatijahkan satu komuniti masyarakat yang harmoni. Oleh itu, Islam bukan sahaja melihat perkahwinan itu sebagai satu langkah untuk mengawal hawa nafsu ke arah kebaikan semata-mata, malah ia mengandungi pelbagai hikmah yang tersirat. Pensyariatan perkahwinan adalah untuk mengisi kekosongan serta menghilangkan kegelisahan yang dihadapi oleh setiap manusia. Selain itu, ia juga menjadi medium kepada manusia untuk mengabdikan diri kepada Allah dan Rasul-Nya. (Muhammad Ali, 2005).

Rasulullah SAW menggalakkan umatnya berkahwin tanpa mengira pangkat dan kedudukan, kaya ataupun miskin, kerana Allah SWT telah menjanjikan rezeki yang melimpah ruah untuk manusia yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran-Nya. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: